

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN**

7. Dasar perumahan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan garis panduan tentang had siling penjualan Rumah Mampu Milik di pulau dan Seberang Perai.
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri kongsi garis panduan harga jualan yang terbaru?
 - (b) Apakah jumlah statistik rumah mampu milik yang tidak terjual di Seberang Perai?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri menjamin pembekalan Rumah Mampu Milik (RMM) melalui penguatkuasaan dasar-dasar yang diwujudkan khusus kepada pemaju swasta mahupun agensi kerajaan seperti Dasar Pembinaan Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah dan Garis panduan Penyediaan Skim Perumahan Mampu Milik 100%. Takrifan Mampu Milik juga merangkumi ke semua kategori kediaman di bawah harga RM300,000.00 di Pulau dan RM250,000 di Seberang Perai termasuk yang dahulunya dikenali sebagai Rumah Kos Rendah (RKR) dan Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR). Kerajaan Negeri memutuskan untuk menjenamakan semula istilah ini kepada RMM A (harga maksima RM42,000.00), RMM B (harga maksima RM72,500.00 dan RMM C (harga maksima RM300,000.00 di Pulau dan RM250,000 di Seberang Perai). Secara ringkasnya had siling dan saiz minima Rumah Mampu Milik sepertimana ditunjukkan di **LAMPIRAN A**.

Berdasarkan rekod terkini, terdapat sebanyak 820 unit baki bagi RMM A, B dan C di kawasan Seberang Perai di mana penawaran telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada Mac 2020 dan disusuli oleh proses undian juga permohonan pembiayaan. Senarai projek, pemaju dan baki unit mengikut daerah seperti di **LAMPIRAN B.**

LAMPIRAN A

**JADUAL RINGKASAN GARISPANDUAN RUMAH MAMPU MILIK
NEGERI PULAU PINANG**

Jenis	Had Pendapatan Pemohon (Isi Rumah)	Harga Maksima	Spesifikasi
RMM A	RM2,500.00	RM42,000.00	650 k.p.
RMM B	RM3,500.00	RM72,500.00	700 k.p.
RMM C1	RM8,000.00	RM150,000.00	1. Pulau: 750 k.p. tanpa kemasan 2. Seberang: 750 k.p. dengan kemasan
RMM C2	RM10,000.00	RM200,000.00	1. Pulau: 750 k.p. dengan kemasan 2. Seberang: 850 k.p.
RMM C3	RM12,000.00	RM250,000.00 (Seberang Sahaja)	850 k.p.
		RM300,000.00 (Pulau Sahaja)	850 k.p.

LAMPIRAN B

SENARAI BAKI UNIT RUMAH MAMPU MILIK DI KAWASAN SEBERANG PERAI

DAERAH		PROJEK	PEMAJU	HARGA	LUAS	BAKI UNIT
SPU	1	JIRAN RESIDENSI	PDC Properties Sdn. Bhd.	200, 000.00	850 k.p.	38
				250,000.00	1000 k.p	109
	2	SERI SERDANG	UDA Land (North)	42,000.00	650 k.p	6
	3	BAYU AMAN	Hunza	42,000.00	650 k.p	61
	4	BERTAM PERDANA 2 FASA 1D	Bertam Properties	42,000.00	650 k.p	3
	5	BANDAR PUTRA BERTAM	Bertam Properties	42,000.00	650 k.p	8
6	MEKARSARI 1 FASA 1B	Hunza	42,000.00	650 k.p	43	
			72,500.00	700 k.p	51	
SPT	7	PRIMA@Permatang Pauh	Excel Focus Properties	250,000.00	900 k.p	73
	8	WOODSLAND PARK	PTL Properties	200,000.00	850 k.p.	24
	9	RUMAH PANGSA HARMONI	Sunway	42,000.00	650 k.p	4
	10	TAMAN LEMBAH PERMAI	Welcome Properties	42,000.00	650 k.p	60
	11	RUMAH PANGSA JALAN SELADANG	Sunrise Manner	42,000.00	650 k.p	90
	12	TAMAN NAGASARI A	Grand Eastern	42,000.00	650 k.p	108
	13	TAMAN NAGASARI B	Grand Eastern	42,000.00	650 k.p	4
	14	TMN MACHANG BUBUK BLOK C	TF Land	42,000.00	650 k.p	30
	15	SANTUARY COURT	Mandarina	42,000.00	650 k.p	3

DAERAH		PROJEK	PEMAJU	HARGA	LUAS	BAKI UNIT
SPS	16	BANDAR CASSIA	PDC Properties Sdn. Bhd.	220,000.00	1000 k.p	19
	17	RUMAH PANGSA MUTIARA INDAH	Palmington Properties	42,000.00	650 k.p	22
	18	TMN RESIDENSI PANCHOR	Panchor Residence	72,500.00	700 k.p	58
	19	TAMAN TEKUKUR INDAH	Lai Keat	42,000.00	650 k.p	3
	20	TAMAN WIDURI	SPNB	42,000.00	650 k.p	3
		JUMLAH				820